

Gula putih kekal tidak dikenakan semakan SST – Kementerian Kewangan

Oleh Wartawan MalaysiaGazette - 20 June 2025



KUALA LUMPUR – Gula bertapis (atau lazimnya dikenali sebagai gula putih) kekal tidak dikenakan cukai di bawah semakan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2025.

Kementerian Kewangan berkata, kerajaan telah mengambil pendekatan bersasar dengan tidak mengenakan cukai ke atas barangan keperluan rakyat seperti gula, garam, ayam, telur, daging, ikan, sayur-sayuran, minyak masak dan beras.

Ini bertujuan untuk memastikan rakyat terbanyak tidak akan terkesan dengan semakan semula SST.

"Gula mentah yang digunakan dalam proses pengeluaran gula halus akan dikenakan cukai jualan sebanyak 5%. Namun begitu, seperti yang telah diumumkan sebelum ini, pengilang seperti MSM layak memohon pengecualian cukai ke atas bahan mentah dan input mereka.

“ Oleh itu, tiada sebab untuk berlaku sebarang kenaikan harga gula bertapis lebih-lebih lagi kerana penapis gula seperti MSM terus menerima insentif bulanan daripada kerajaan bagi memastikan kestabilan bekalan dan harga,” jelasnya.

Kementerian ini menjelaskan kenyataan yang dikeluarkan oleh MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) berkaitan kesan semakan semula cukai jualan ke atas gula mentah.

Semalam, MSM berkata, pihaknya sedang mendapatkan kejelasan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Kementerian Kewangan mengenai pengenaan cukai lima peratus ke atas gula mentah susulan semakan dan peluasan skop Cukai Barang dan Pehidmatan (SST) yang akan berkuat kuasa 1 Julai ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Muhammad berkata, jika cukai itu dikenakan kepada gula mentah, pengeluar gula bertapis terbesar di negara itu boleh melepaskan kos berkenaan kepada industri, tetapi ia tidak boleh berbuat demikian bagi gula di bawah harga kawalan.

Kementerian Kewangan menambah, penapis dan pengilang gula di Malaysia boleh memohon pengecualian cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Pengecualian ini diperuntukkan di Bawah Butiran 1, Lajur (2), Jadual B dalam Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai). – MalaysiaGazette

HEADLINE	Gula putih kekal tidak dikenakan semakan SST – Kementerian Kewangan
MEDIA	Malaysia Gazette
DATE	20 June 2025,
BY	Wartawan Malaysia Gazette
LINK	https://malaysiagazette.com/2025/06/20/gula-putih-kekal-tidak-dikenakan-semakan-sst-kementerian-kewangan/#google_vignette